

26 JUL 2002

AS-Palestin/I

AMERIKA BERILTIZAM WUJUDKAN NEGARA PALESTIN, KATA POWELL

Oleh: Salmy Hashim

Washington, 26 Julai (Bernama) -- Amerika Syarikat (AS) beriltizam untuk berusaha secepat mungkin bagi membentuk sebuah negara Palestin yang berdaya maju dan wujud secara aman di samping Israel, kata Setiausaha Negara Amerika Colin Powell di sini pada Khamis.

"Dan selaras dengan itu, Israel perlu menerima hakikat bahawa pendudukannya perlu dihentikan. Kami perlu memberi tumpuan kepada beberapa perkara yang menjadi punca utama, penempatan (Yahudi) perlu ditamatkan, masyarakat Palestin patut diwujudkan.

"Kegiatan penempatan perlu dihentikan. Selaras dengan itu, kami perlu mencari jalan untuk menangani masalah penempatan bagi merintis jalan ke arah penubuhan negara Palestin.

"Ya, ini merupakan isu utama yang perlu ditangani - pembinaan kawasan penempatan dan apa yang akan terjadi pada penempatan yang sudahpun terdapat di sana - apabila sebuah negara diwujudkan," kata Powell dalam temubual meja bulat dengan lima wartawan Asia termasuk dari Bernama di Jabatan Negara sebelum berlepas ke Asia pada Sabtu.

Powell akan berkunjung ke Asia dari 27 Julai hingga 3 Ogos. Antara negara yang akan dilawatnya ialah Malaysia, India, Pakistan dan Brunei, tempat berlangsungnya Forum Serantau Asean.

Dalam kunjungan itu, beliau dijadualkan singgah di Singapura, Indonesia dan Manila. Semasa mengadakan perbincangan mengenai Asia Tenggara, Powell dijangka memberi tumpuan kepada isu berhubung keganasan dan keselamatan serantau.

Bekas jeneral ini berkata langkah mengerahkan pasukan pengawal keamanan Bangsa-bangsa Bersatu bagi mengurangkan ketegangan di tempat yang mengalami pergolakan hebat seperti Gaza dan Tebing Barat tidak akan membuahkan hasil pada waktu ini.

Bagaimanapun, katanya, Amerika dengan kerjasama Kesatuan Eropah, Russia dan Bangsa-Bangsa Bersatu berazam untuk meneruskan proses damai "dan kami tidak akan patah semangat disebabkan oleh tindakan liar dan ganas."

"Saya tahu (Perdana Menteri Datuk Ser) Dr Mahathir (Mohamad) percaya keganasan tidak patut diterima sebagai suatu cara untuk mencapai matlamat politik. Dan para penganas yang melakukan tindakan sedemikian bukan sahaja membunuh orang awam yang tidak bersalah, malah telah memusnahkan impian rakyat Palestin untuk mempunyai negara sendiri.

"Presiden (George W.) Bush telah meletakkan saya di atas rangka kerja yang kukuh tentang bagaimana hendak meneruskannya. Ia bermula dengan penamatan keganasan terhadap orang awam yang tidak bersalah. Ia bermula dengan transformasi masyarakat Palestin, tindakan yang lebih bertanggungjawab oleh para pemimpinnya, dan ia melibatkan tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh Israel...Israel perlu bertindak dengan cara yang membuktikan ia bertanggungjawab terhadap akibat yang timbul daripada tindakannya," kata Powell.

Powell turut mengalu-alukan kesediaan Jepun untuk membantu menjayakan rancangan itu dan berkata negara berkenaan boleh memainkan peranan penting dalam membangunkan semula negara Palestin dengan melaksanakan usaha pemulihan, pembinaan, menghulurkan bantuan kemanusiaan dan berkongsi pengalamannya dalam membentuk sebuah negara yang moden, berfungsi dan demokratik.

Jepun merupakan anggota pasukan petugas yang turut dianggotai Norway, Tabung Matawang Antarabangsa dan Bank Dunia.

"Jepun adalah sebahagian daripada PBB, tapi rakan-rakan saya dari Jepun menjelaskan bahawa mereka ingin memainkan peranan lebih cergas kerana percaya mereka mempunyai sesuatu yang boleh disumbangkan, bukan sahaja wang tetapi juga kemampuan dan idea," katanya.

-- BERNAMA

SH HS SP RON